

Jong Un sedia gerakkan senjata penghalang nuklear berdepan AS, Korea Selatan

Korea Utara sedia bertempur

PYONGYANG: Pemimpin Korea Utara, Kim Jong-un berikrar negara itu bersedia menggerakkan senjata penghalang nuklearnya dalam sebarang pertempuran ketenteraan masa depan dengan Amerika Syarikat (AS) dan Korea Selatan.

Jong-un menerusi ucapan terbaharu berkata, angkatan tentera negara itu 'bersedia sepenuhnya' menghadapi sebarang krisis.



Jepun yang kekal kuku besi," kata Price kepada wartawan di Washington.

Prof. Leif-Eric Easley dari Universiti Ewha di Seoul pula berpandangan retorik Jong-un sebenarnya meningkatkan lagi ancaman luar bagi mewajarkan rejimnya yang hanya memfokuskan aspek ketenteraan dan bergelut dengan krisis ekonomi.

"Program nuklear dan peluru berpandu Korea Utara

gang jawatan itu sejak Mei lalu.

Ia susulan Yoon Suk-yeol berikrar akan mengambil sikap lebih tegas terhadap Pyongyang, termasuk rancangan menggerakkan mogok awal.

"Mengenai tindakan ketenteraan terhadap negara kita (Korea Utara), yang memiliki senjata mutlak paling mereka takuti, adalah tidak masuk akal dan merupakan tindakan yang memusnahkan diri sendiri yang

“Senjata pencegah perang nuklear negara kita juga bersedia menggerakkan kuasa mutlaknya dengan tepat dan selaras dengan misi,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa ‘Hari Kemenangan’ yang menandakan gencatan senjata bagi menamatkan pertempuran semasa Perang Korea tercetus dari 1950 hingga 1953.

Jong-un menyampaikan ucapan di hadapan veteran perang semasa ulang tahun sambutan ke-69 yang menandakan berakhirnya Perang Korea.

Menerusi ucapan tersebut, Jong-un menegaskan ‘kesediaan menyeluruh’ negara menangani sebarang ‘pertempuran tentera dengan AS’.

Sebelum ini, Washington dan Seoul berulang kali memberi amaran Pyongyang bersiap sedia menjalan-

GAMBAR yang disiarkan oleh Agensi Berita Korean Central (KCNA) menunjukkan Kim Jong Un menyampaikan ucapan sempena ulang tahun ke-69 selepas Perang Korea berakhir di Pyongyang. - AFP

kan ujian nuklear ketujuh.

AS memberi amaran langkah itu akan mencetuskan tindak balas ‘pantas dan kuat’.

RETORIK MAKAN DIRI

Dalam pada itu, Jurucakap Jabatan Negara AS, Ned Price berkata, ucapan Jong-un kali ini tiada beza dengan siri ucapan beliau sebelum ini.

“Tidak beza secara mutlak daripada apa yang kami dengar dari rejim Korea Utara sejak beberapa bulan dan tahun kebelakangan ini.

“Korea Utara juga tidak terkejut mendengar mesej sama daripada kami dan itu adalah komitmen kami terhadap pertahanan Republik Korea dan

melanggar undang-undang antarabangsa, tetapi Jong-un cuba menggambarkan pengumpulan senjata yang tidak stabil sebagai usaha mempertahankan diri,” katanya.

KOREA SELATAN SAMSUNG

Sementara itu, Jong-un turut membidakan kenyataan Presiden baharu Korea Selatan yang mem-

sangat berbahaya.

“Percubaan berbahaya seperti itu akan segera dihukum oleh kekuatan Korea Utara dan kerajaan Suk Yeol serta tenteranya akan dimusnahkan,” kata Jong-un yang melabelkan Korea Selatan sebagai kumpulan ‘sam-seng’.

KRISIS EKONOMI

Sejak 2017, Korea Utara melancarkan peluru berpandu balistik antara benua dalam jarak penuh buat kali pertama sejak 2017.

Rundingan nuklear antara Pyongyang dan Washington terhenti sejak sidang kemuncak antara Jong-un dan Donald Trump pada Februari 2019, selepas Korea Utara bersedia melakukan tindak balas.

Sejak itu, rejim pentadbiran Jong-un menolak sebarang tawaran berulang dari Washington dan Seoul untuk meneruskan rundingan kerana mendakwa AS perlu menggugurkan dasar ‘permusuhan’ terlebih dahulu.

Akibatnya, Pyongyang sebuah negara miskin sejak sekian lama bergelut memberi makan kepada rakyatnya sehingga menjejaskan ekonomi akibat penutupan pintu sempadan semasa pandemik Covid-19 serta sekatan terhadap program nuklear.

- AFP

